

PKR dakwa PTPTN hanya untungkan IPTS
Malaysian Insider
Aug 22 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM

Pengarah Komunikasi PKR, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, dana Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hanya menguntungkan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seri Setia itu berkata, angka statistik bagi peminjam PTPTN antara Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan IPTS pada 2012 adalah RM 2.6 bilion bagi pelajar IPTA sementara RM6.1 bilion bagi pelajar IPTS .

Menurut Nik Nazmi, nisbah berkenaan amat mencurigakan kerana melalui sistem pembayaran yuran IPTS kini, pihak kolej boleh terus memotong yuran melalui PTPTN.

"Perkara ini sebenarnya sudah lama berlaku di kolej rumah kedai yang begitu banyak sekarang ini, namun apabila pelajar ini habis belajar mahu pohon pekerjaan, sijil dari kolej itu tidak laku. Mereka pada masa sama terpaksa membayar PTPTN," katanya yang juga Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor dalam satu sidang media di ibu pejabat PKR hari ini.

"Kita tidak mahu ada pihak lain cuba mengambil kesempatan daripada masalah ini kerana kita tidak tahu kolej swasta ini, apa hubung kait pula dengan ahli politik yang membenarkan kewujudan kolej terbabit," katanya.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh sebelum ini mengumumkan peminjam ingkar PTPTN akan dikenakan tindakan di bawah CCRIS, namun memberi jaminan tindakan itu tidak akan menindas peminjam yang majoritinya golongan belia.

"Kita akan memastikan tiada siapa menjadi mangsa kepada pelaksanaan CCRIS ataupun dipinggirkan menerusi program itu," kata ahli Parlimen Besut itu kepada The Malaysian Insider.

Pengumuman itu menerima reaksi negatif daripada pelbagai pihak termasuk -pemimpin pemimpin Pakatan Rakyat (PR), aktivis mahasiswa dari Solidariti Mahasiswa Malaysia (SMM), dan juga badan bukan kerajaan Pertubuhan Pribumi Perkasa Kebangsaan (Perkasa).

Isu mengenai pembayaran balik PTPN telah lama berlarutan apabila badan itu mengalami kerugian sehingga tidak dapat memberi pinjaman kepada pelajar baru gara-gara peminjam enggan membayar.

Ia menyebabkan kerajaan memutuskan bekerjasama dengan Jabatan Imigresen untuk menghalang peminjam yang telah disenarai hitam tidak dapat keluar dari negara ini. - 22 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-dakwa-ptpn-hanya-untungkan-ipts>

